# KETERANGAN MENGENAI
# MAJLIS KONVOKESYEN KE-46 (SIDANG 2)
# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## 1. Maklumat Majlis Konvokesyen UPM Ke-46 (Sidang 2)

**Tarikh :** 26 November hingga 2 Disember 2022

**Tempat :** Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah(PKKSSAAS)

**Sidang :** Dua (2)

**Hari/Sesi:** Sabtu, Ahad, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat (7 hari/7 sesi)

## 2. Susunan Graduan Mengikut Program dan Sesi

Rujuk **lampiran 1**

## 3. Kehadiran Graduan

3.1 Sebagaimana termaktub dalam acara konvokesyen UPM, Ijazah dan Diploma hendaklah dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir pada sesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa Senat, boleh dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu Ijazah atau Diploma dikurniakan tanpa hadir.

3.2 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan **mengikut sesi yang ditetapkan**.

3.3 Graduan **tidak dibenarkan** menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun **mewakilkan kepada orang lain** bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.

3.4 Graduan yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen ke-46 **DIKENDAKI** menyertai telegram rasmi Majlis Konvokesyen Ke-46 bit.ly/KonvoUPM46_Sidang2 untuk menerima **hebahan maklumat, video ’Tatacara Menghadiri Konvokesyen UPM’ dan video ’Tatacara Pemakaian Pakaian/Jubah Akademik UPM’.**

## 4. Yuran Graduan

4.1 Yuran graduan sebanyak **RM200.00** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) diwajibkan kepada semua graduan (sepenuh/separuh masa) sama ada graduan akan menghadiri Majlis Konvokesyen atau sebaliknya.

4.2 Yuran hendaklah dijelaskan **selewat-lewatnya dua (2) hari bekerja sebelum mengemaskini maklumat di e-SMP (My Konvokesyen)** melalui salah satu kaedah berikut:

a. JomPAY (selain daripada pemegang akaun CIMB Bank)
b. CIMB Clicks (pemegang akaun CIMB Bank sahaja)

| Saluran Bayaran | Langkah |
|---|---|
| a. **JomPAY** | Melalui perbankan internet dari semua bank yang mempunyai kemudahan JomPAY.<br><br>➢ Pilih modul *Bill Payment*<br>➢ Klik butang **JomPAY**<br>➢ Pilih akaun pembayar samada akaun simpanan atau akaun kad kredit anda<br>➢ **Biller Code : 8441**<br>➢ **Ref 1 : No matrik (Wajib)**<br>➢ **Ref 2 : No Kad Pengenalan**<br>➢ Teruskan ke proses selanjutnya (Tac/OTP) & pengesahan<br><br>*Setelah selesai, sila **input maklumat pembayaran ini** ke dalam sistem e-SMP (Menu: My Konvokesyen) sebagai bukti bayaran (8 digit. Cth: 4HTY245W).* |
| b. **CIMB Clicks** (melalui applikasi CIMB atau laman web) | Bagi pemegang akaun CIMB (samada pelajar/ahli keluarga) yang membuat bayaran:<br><br>➢ Klik butang Pay Bills<br>➢ Enter Biller Name : Taip **UPM**<br>➢ Pilih : **Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang**<br>➢ **Masukkan no matrik, No Kad Pengenalan dan jumlah RM200**<br>➢ Teruskan ke proses selanjutnya (Tac/OTP) & pengesahan<br><br>*Setelah selesai, sila **input maklumat pembayaran ini** ke dalam sistem e-SMP (Menu: My Konvokesyen) sebagai bukti bayaran (8 digit. Cth: 4HTY245W).* |
| **<u>PERINGATAN:</u>** Cara bayaran selain dari diatas adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u> dan dianggap tiada bayaran telah dibuat. Pengesahan bayaran hanya boleh dilakukan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh bayaran (setelah mendapat pengesahan dari pihak bank).<br><br>Graduan yang tidak dapat menghadiri Majlis Konvokesyen boleh menjelaskan bayaran pada bila-bila masa menggunakan kaedah di atas. Skrol/Transkrip Graduan hanya akan dikeluarkan selepas tarikh konvokesyen dan setelah segala yuran tertunggak dijelaskan (yuran graduan, yuran pengajian, denda perpustakaan & saman lalu lintas dll) jika ada. | |

## 5. Kajian Pengesanan Graduan

5.1 Graduan dikehendaki melengkapkan **Kajian Pengesanan Graduan 2022 (Kementerian Pengajian Tinggi)** secara atas talian (online) yang akan dibuka mulai **11 November 2022 (Jumaat)** melalui laman web ***https://graduan.mohe.gov.my/SKPG***

5.2 Setelah lengkap, graduan perlu mencetak **Slip Pengesahan** (yang terdapat pada laman terakhir borang kajian berkenaan) dan membawa bersama semasa pengambilan Jubah Akademik.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak CEM ditalian 03-97691020 / 03-97691409**

## 6. Pinjaman dan Pemulangan Pakaian/Jubah Akademik

6.1 **Proses Pinjaman**

**Sila guna browser IE atau Mozilla Firefox sahaja untuk mengakses e-SMP**

Graduan hendaklah**:**

a) **menjelaskan yuran graduasi** seperti dilangkah 4.2;

b) **melengkapkan borang pinjaman jubah akademik** secara 'online' melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu **'Mykonvokesyen'** (borang jubah akademik);

c) **menginput maklumat pembayaran dan maklumat ketinggian** (bagi menentukan saiz) melalui Menu 'Mykonvokesyen';
*Nota: Graduan siswazah boleh menggunakan nombor K.P./pasport dan kad matrik bagi katalaluan dan id untuk mengakses.*

d) **mencetak borang** pakaian/jubah akademik yang telah berjaya untuk dibawa semasa pengambilan jubah akademik di Kompleks Akademik Pusat, UPM pada tarikh yang ditetapkan (Menu: My Konvokesyen - Semak Permohonan);

e) **membawa bersama cetakan Slip Pengesahan** Kajian Pengesanan Graduan (item 5.2); dan

f) **menyediakan surat wakil sekiranya perlu** iaitu bagi graduan yang ingin mewakilkan individu lain untuk mengambil jubah akademik (terhad kepada 2 transaksi sahaja). Pastikan wakil membawa bersama cetakan borang pakaian akademik dan salinan MyKad/Pasport individu yang hadir – Contoh Surat Wakil seperti di **Lampiran 2;**

6.2 **Pengambilan Jubah Akademik**

a) Setelah semua proses di item 6.1 selesai, graduan boleh secara *walk-in* hadir ke Kompleks Akademik Pusat, Zon C (berhadapan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat) untuk pengambilan Jubah akademik sebagaimana jadual berikut:

| Tarikh | Catatan |
|---|---|
| • **12 dan 13 November 2022** (Sabtu dan Ahad)<br>• **20 hingga 23 November 2022** (Ahad hingga Rabu)<br>**9.00 pagi hingga 5.00 petang (termasuk waktu rehat)** | Pastikan semua kaunter yang disediakan oleh Urus Setia diikuti bagi mengelakkan sebarang masalah ketika menyertai Majlis Konvokesyen. |

b) Semasa mengambil Jubah Akademik, graduan hendaklah memeriksa saiz dan keadaan jubah yang dipinjam berada dalam keadaan baik, lengkap dan mengikut warna yang ditetapkan sebelum beredar (Lampiran 3)

c)

| Ijazah Bacelor/Lanjutan | Diploma* |
|---|---|
| • Jubah (warna maroon)<br>• Hood (mengikut warna rasmi fakulti)<br>• Mortar Board (Bacelor/Master)<br>• Bonnet (PhD) | Jubah (warna maroon)<br>Mortar Board<br>**tanpa hood* |

*Nota: Graduan digalakkan memakai pelitup muka yang dibekalkan UPM semasa berada didalam Dewan*

d) Graduan tidak dibenarkan meminda atau mengubah suai mana-mana bahagian jubah akademik yang dipinjam;

e) Graduan hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kehilangan jubah akademik;

f) Sekiranya jubah akademik tersebut rosak atau hilang dalam tempoh pinjaman, caj akan dikenakan dan sijil akademik/transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga bayaran tersebut dijelaskan seperti berikut:

g)

| **Program** | **Bayaran (RM)** | | | | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Jubah** | ***Hood*** | ***Mortar Board*** | ***Bonnet*** | |
| Diploma | 150.00 | - | 50.00 | - | 200.00 |
| Bacelor | 280.00 | 35.00 | 50.00 | - | 365.00 |
| Master | 400.00 | 35.00 | 50.00 | - | 485.00 |
| PhD | 750.00 | 35.00 | - | 75.00 | 860.00 |

Video **tatacara pemakaian jubah** boleh diperolehi melalui laman web www.akademik.upm.edu.my atau bit.ly/HowToWearUPMAcademicGown

h) Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut,boleh hubungi:

| | |
|---|---|
| **Sistem MyKonvokesyen (e-SMP)** | 03-97696026/1464/6147<br>Emel: akademik@upm.edu.my |
| **Pembayaran Yuran** | **<u>Siswazah</u>**<br>03-97694156/4161<br><u>Emel:</u> bursar.student_pg@upm.edu.my<br><br>**<u>Prasiswazah</u>**<br>03-97696215/6225/6240<br>bursar.student_ug@upm.edu.my |

## 6.3 Pemulangan Jubah Akademik

Semua graduan perlu memulangkan jubah akademik dan pemulangan boleh dibuat mulai 26 Disember 2022 hingga 8 Disember 2022 **TANPA DENDA** sepertimana jadual berikut:

| Tarikh | Waktu Pemulangan | Lokasi |
|---|---|---|
| 26 Nov 2022 (Sabtu) | [redacted] 12.30 tghari – 4.30 ptg | **Bilik Pemulangan Pakaian Akademik Kompleks Akademik Pusat Zon C** (di hadapan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat) |
| 27 Nov - 1 Dis 2022 (Ahad -Khamis) | 9.00 pg hingga 4.30 ptg (rehat 1:00 -2:00 ptg) | |
| 2 Dis 2022 (Jumaat) | 9.00 pg hingga 4.30 ptg (rehat 12:15 tgh -2.45 ptg) | |
| 3 hingga 8 Dis 2022 (Sabtu -Khamis) | 9.00 pg hingga 4.30 ptg (rehat 1.00 ptg -2.00 ptg) | |
| 9 hingga 12 Dis 2022 (Jumaat - Isnin ) | **Kaunter Tutup** | |

**<u>Perhatian</u>**

Mulai <u>13 Disember 2022</u> denda akan dikenakan kepada graduan yang lewat memulangkan jubah akademik. Tindakan tegas akan dikenakan kepada graduan yang gagal memulangkan jubah akademik pada waktu yang ditetapkan.

- **hari pertama RM10.00,** seterusnya ditambah **RM5.00 setiap hari berikutnya;**

- bayaran denda akan bermula pada **13 Disember 2022** dan hendaklah dibuat di **kaunter Bursar 3, Tingkat Bawah, Bangunan Canselori Putra** - resit bayaran perlu dikemukakan semasa memulangkan jubah akademik;

- wakil yang memulangkan jubah akademik hendaklah memastikan telah mendapatkan **pengesahan pemulangan** sebelum meninggalkan kaunter.

## 7 Etika Pakaian Graduan

7.1 Graduan **DIWAJIBKAN** mematuhi etika berpakaian semasa menghadiri Majlis Konvokesyen seperti berikut. Contoh bergambar adalah seperti di **Lampiran 4**.

| | |
|---|---|
| **Graduan Wanita** | • Baju kurung moden/tradisional<br>• Pakaian kebangsaan<br>• Pakaian Rasmi/Formal<br>• Skirt labuh dan blaus lengan panjang menutupi dada<br>• Kasut berwarna gelap/hitam dan bertutup pada bahagian hadapan dan belakang<br><br>Nota:<br>1. *Sling beg bersaiz kecil boleh dibawa dan perlu disimpan didalam jubah akademik;*<br>2. *Graduan mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian;*<br>3. *Sekiranya menggunakan sarung tangan, hendaklah dipakai pada kedua-dua belah tangan (graduan Islam)* |
| | **TIDAK DIBENARKAN**<br>**Memakai skirt pendek (atas paras lutut) dan kasut sukan/sandal/terbuka di belakang/ berwarna cerah atau putih.** |
| | |
| **Graduan Lelaki** | • Kemeja lengan panjang berkolar dan berseluar *slack* berwarna gelap, bertali leher (atau tanpa tali leher)<br>• *Lounge Suit* berwarna gelap<br>• Baju Melayu berwarna hitam berbutang lima lengkap bersamping tanpa bengkung<br>• Kasut formal berwarna hitam dan berstoking gelap<br>• Potongan rambut yang kemas |
| | **TIDAK DEBENARKAN**<br>**Memakai kemeja-T, seluar jeans, pakaian seragam pasukan keselamatan/ penguatkuasaan dan kasut sukan/sandal/ berwarna cerah atau putih.** |

7.2 Majlis Konvokesyen ini adalah **satu upacara rasmi Universiti**. Graduan diingatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti dinyatakan di atas.

## 8. Kad Jemputan

8.1 Kad jemputan dan arahan lain akan diedarkan pada graduan/wakil graduan semasa meminjam jubah akademik;

8.2 Setiap graduan akan diberikan **satu (1)** kad jemputan untuk **dua (2)** orang tetamu dan pihak Universiti tidak bertanggungjawab atas kehilangan kad jemputan yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti;

8.3 Dua (2) **nama tetamu hendaklah dilengkapkan pada keratan kad** dan dibawa untuk diserahkan kepada penyambut tetamu sebelum masuk ke dewan. Urusetia/Penyambut tetamu berhak tidak membenarkan tetamu berkenaan masuk ke dewan sekiranya tidak memenuhi etika pakaian atau atas faktor keselamatan majlis.

| **PANDUAN PAKAIAN TETAMU** | |
|---|---|
| **Lelaki** | • Batik, pakaian formal/rasmi yang sesuai atau *Lounge Suit*<br>• Kasut bertutup<br>***Nota:***<br>***Seluar jeans/kemeja-t/selipar/kasut sukan/sandal TIDAK DIBENARKAN*** |
| **Wanita** | • Pakaian formal/rasmi/sopan, batik atau *Lounge Suit*<br>• Kasut bertutup<br>***Nota:***<br>***Skirt/seluar pendek atas lutut/ jeans/kemeja-t/baju tanpa lengan/selipar/kasut sukan/sandal TIDAK DIBENARKAN*** |
| **KANAK-KANAK DIBAWAH UMUR 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK** | |

## 9. Tatacara Menghadiri Konvokesyen UPM

Semua graduan **DIWAJIBKAN** untuk menonton video **'Tatacara Menghadiri Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia'** yang akan dimuatnaik pada laman web dan saluran Telegram rasmi Majlis Konvokesyen Ke-46 (Sidang 2)

## 10. Lokasi Parkir dan Drof-Off

Tetamu dan graduan yang hadir boleh menggunakan fasiliti drop-off/parkir yang disediakan di **Parkir Berpusat** berhadapan Komplek Akademik dan **Parkir Padang Kawad**. Laluan lalu lintas adalah seperti di **Lampiran** 5

## 11. Perarakan Graduan

Type something...

11.1 Graduan hendaklah berkumpul di tempat ruangan letak kereta Parkir Berpusat berhadapan Komplek Akademik antara jam 7.15 pagi hingga 7.30 pagi untuk persediaan susunan perarakan masuk;

11.2 **Graduan yang lewat TIDAK DIBENARKAN MASUK bagi menyertai Majlis Konvokesyen;**

11.3 **Graduan yang memerlukan bantuan/berkeperluan khas** dan **graduan kelainan upaya (OKU)** dikehendaki melengkapkan google form di https://bit.ly/UPMKonvo-SurveiBerkeperluanKhas pada atau sebelum **18 November 2022**.

11.4 Graduan tidak dibenarkan membawa beg tangan (kecuali sling bag kecil yang disimpan didalam jubah) dan dinasihati untuk tidak membawa barang berharga semasa berkumpul untuk sesi perarakan graduan;

11.5 Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, graduan diminta mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai bertugas dan berkumpul pada masa dan tempat yang telah ditetapkan; dan

11.6 Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dari pegawai petugas semasa majlis berlangsung dan **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan Dewan sehingga majlis selesai.

## 12. SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN:

### 12.1 Pengambilan Sijil Akademik dan Transkrip

Sijil akademik/transkrip graduan boleh diambil **sebaik sahaja pemulangan Jubah Akademik** dalam tempoh (rujuk 6.3) dilokasi berikut:

| Program | Tempat |
|---|---|
| Ijazah Lanjutan (PhD dan Master) | Kaunter Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) |
| Bacelor Sepenuh Masa | Kaunter Dewan Kuliah Akademik Pusat, Zon C |
| Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) | Kaunter UPM Education & Training Sdn. Bhd |
| Program Eksekutif | Unit Program Eksekutif Sekolah/ Fakulti |
| Ijazah Lanjutan<br>(No Matrik GM dan PBS) | Bangunan Putra Business School |

12.2 Graduan boleh mewakilkan individu lain untuk mengambil akademik sijil akademik/transkrip dengan mengemukakan surat wakil yang disediakan oleh graduan sendiri kepada Ketua Bahagian Urus Tadbir bersama salinan MyKad wakil.

## 13. GAMBAR RASMI MAJLIS KONVOKESYEN

13.1 Semua pengambilan gambar semasa majlis konvokesyen akan diuruskan oleh jurugambar rasmi yang dilantik oleh UPM:

13.2 Para graduan tidak dibenarkan mengambil gambar atau mendapat khidmat daripada pihak luar untuk mengambil gambar semasa majlis berlangsung;

13.3 Jurugambar rasmi majlis konvokesyen ada menyediakan platform telegram untuk tempahan gambar studio dan pentas melalui https://bit.ly/3qRAW0Q Untuk sebarang pertanyaan, hubungi:

Perkhidmatan Pelanggan: 0102437491/011-18842485
Emel: richmoment.konvoupm@gmail.com

## 14. LAIN-LAIN MAKLUMAT

14.1 Buku Konvokesyen UPM disediakan dalam bentuk digital dan boleh diakses melalui http://konvo.upm.edu.my/ mulai **26 November 2022** atau dengan mengimbas kod QR yang akan diberikan melalui telegram rasmi dan laman web www.akademik.upm.edu.my.

14.2 **Arahan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi Graduan Pendidikan**

Mesyuarat Penyelarasan Integrasi Sistem Pengambilan dan Penempatan Graduan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 19 Ogos 2014, menghendaki semua graduan Pendidikan mendaftar di JobsMalaysia melalui url *www.jobsmalaysia.gov.my* bagi penempatan graduan pendidikan oleh pihak KP

**Kerjasama para graduan mematuhi atur cara dan maklumat konvokesyen ini adalah amat diharapkan bagi memastikan Majlis Konvokesyen UPM ke-46 berjalan lancar.**

Untuk sebarang pertanyaan (am), graduan boleh menghubungi nombor berikut:

- **Kategori Graduan Prasiswazah:**
**Bahagian Urus Tadbir Akademik:**
**03-97696060/03-97691464/03-97693258/03-97696026**

- **Kategori Graduan Siswazah:**
**Sekolah Pengajian Siswazah:**
**(03-97694211/4220/4162/4153/4245 – Encik Muhammad Akees/ Encik Mohamad Hafiz/ Pn. Hasnor/Pn. Siti Noor Alia/En. Arif)**

- **Kategori Graduan Pengajian Jarak Jauh (PJJ):**
**(03-89593408/3404 – Cik Farah (Pra-Siswazah) Pn. Syafiqah (Siswazah)**

- **Kategori Graduan Putra Business School (PBS)**
**017-2543607/016-2458700 (Pn. Norhayati/Puan Norizan)**

- **URUS SETIA MAJLIS KONVOKESYEN KE-46 (SIDANG 2)**
**Bahagian Urus Tadbir Akademik,**
**Bangunan Canselori Putra**
**Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang, Selangor**
**03-97696060/1464/6026 (Pn. Aida/Pn. Junaidah/Cik Siti Hajar/Pn Hanita)**

***Notis Majlis Konvokesyen ke-46 UPM boleh dicapai dalam Versi Bahasa Inggeris di www.akademik.upm.edu.my***

## SENARAI LAMPIRAN

| | |
|---|---|
| **Lampiran 1** | Susunan Graduan Mengikut Program dan Sesi |
| **Lampiran 2** | Contoh Surat Kebenaran Wakil Mengambil Jubah |
| **Lampiran 3** | Jubah Akademik |
| **Lampiran 4** | Etika Pakaian Menghadiri Majlis Konvokesyen UPM |
| **Lampiran 5** | Peta Lalu Lintas dan Tempat Letak Kenderaan Ibu Bapa |
| **Lampiran 6** | Tempat Berkumpul Luar Dewan |
| **Lampiran 7** | Tarikh-Tarikh Penting |
| **Lampiran 8** | Senarai Semak Graduan |

**LAMPIRAN 1**

**BAHAGIAN KEMASUKAN DAN BAHAGIAN URUS TADBIR AKADEMIK**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
**SUSUNAN SESI GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-46 (SIDANG 2)**

| **Sesi 1 (Sabtu - Pagi)<br>26 November 2022** | **Sesi 2 (Ahad- Pagi)<br>27 November 2022** |
|---|---|
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah Program Ijazah Bersama (Joint Degree) dengan University of Newcastle<br>Doktor Falsafah Program Ijazah Dual (Dual Degree) dengan Kasetsart University<br>Doktor Falsafah (A-B) SPS<br>Doktor Kesihatan Awam<br>Master Sains Program Ijazah Dual (Dual Degree) dengan Kasetsart University<br>Master Sains Pemakanan<br>Master Pembangunan Sumber Manusia<br>Master Komunikasi Korporat<br>Master Kejuruteraan Alam Sekitar<br>Master Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling<br>Master Perubatan (Perubatan Keluarga)<br>Doktor Perubatan Veterinar<br>Bacelor Kaunseling<br>Bacelor Sains Biologi dengan Pendidikan (Kepujian)<br>Bacelor Sains Fizik dengan Pendidikan (Kepujian)<br>Bacelor Sains Pertanian<br>Bacelor Sains (Pengajian Makanan)<br>Bacelor Komunikasi<br>Bacelor Sains Taman dan Rekreasi | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (C-K) SPS<br>Master Pengurusan Kejuruteraan<br>Master Sains Komputer<br>Master Kejuruteraan Lebuhraya dan Pengangkutan<br>Master Kejuruteraan Air<br>Master Bahasa Melayu<br>Master Perubatan (Anestesiologi)<br>Master Perubatan (Pediatrik)<br>Master Pendidikan Sains Sukan<br>Master Sains (FPSK, FSPH)<br>Bacelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling<br>Bacelor Pendidikan (Pengajaran B.Inggeris sebagai B.Kedua)/Bacelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua<br>Bacelor Kejuruteraan Proses dan Makanan dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Kimia dengan Kepujian<br>Bacelor Sains dalam Sains Instrumentasi dengan Kepujian<br>Bacelor Sains (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti)/ Bacelor Sains Pemakanan dan Kesihatan Komuniti dengan Kepujian<br>Doktor Perubatan<br>Bacelor Perakaunan<br>Bacelor Sains Seni Bina<br>Bacelor Sains Komputer (Sistem Komputer)<br>Bacelor Sains Pembangunan Manusia dengan Pengurusan<br>Bacelor Sains Pembangunan Manusia dengan Teknologi Maklumat<br>Bacelor Sains (Pengurusan Perkhidmatan Makanan) |
| **Sesi 3 (Isnin- Pagi)<br>28 November 2022** | **Sesi 4 (Selasa - Pagi)<br>29 November 2022** |
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (L-M) SPS<br>Master Kewangan<br>Master Pendidikan Pentadbiran Pendidikan<br>Master Kejuruteraan Sistem Pembuatan<br>Master Senibina Landskap<br>Master Pengurusan Landskap Lestari<br>Master Perubatan (Psikiatri)<br>Master Perancangan dan Respons Kecemasan<br>Master Statistik Gunaan<br>Master Sains (FBSB, FKPS, FRSB, FSTM, INTROP, FSKTM)<br>Bacelor Sains (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan)/ Bacelor Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Kimia Petroleum dengan Kepujian | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (N-Q) SPS<br>Master Ekonomi<br>Master Pendidikan Psikologi Pendidikan<br>Master Pendidikan Kurikulum dan Pengajaran<br>Master Teknologi Makanan<br>Master Kejuruteraan Perisian<br>Master Pengurusan Teknologi Alam Sekitar<br>Master Inovasi dan Rekabentuk Kejuruteraan<br>Master Sains Veterinar<br>Master Pendidikan Teknologi dan Inovasi Pengajaran<br>Master Sains (FEM, SPE, FPP, INSPEM, IKP)<br>Bacelor Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Biologi Sel dan Molekul dengan Kepujian<br>Bacelor Sains dan Teknologi Kayu |

| | |
|---|---|
| Bacelor Sains Perniagaantani<br>Bacelor Sains dan Teknologi Makanan<br>Bacelor Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian<br>Bacelor Sains (Kepujian) Bioteknologi/ Bacelor Sains Bioteknologi dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Biokimia dengan Kepujian<br>Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)/Bacelor Pendidikan Jasmani<br>Bacelor Pendidikan Bahasa Melayu<br>Bacelor Sains Komputer (Rangkaian Komputer)<br>Bacelor Sastera Pengajian Bahasa Cina/Bacelor Sastera (Bahasa Asing) - Bahasa Mandarin<br>Bacelor Sastera Pengajian Bahasa Jerman | Bacelor Pendidikan Sains Pertanian<br>Bacelor Pendidikan Sains Rumah Tangga<br>Bacelor Sains Hortikultur<br>Bacelor Sains (Sains Bioperubatan)/Bacelor Sains Bioperubatan dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Matematik dengan Pendidikan (Kepujian)<br>Bacelor Sains Kimia dengan Pendidikan (Kepujian)<br>Bacelor Sastera Pengajian Bahasa Perancis<br>Bacelor Sastera Bahasa Arab<br>Bacelor Pentadbiran Perniagaan |
| **Sesi 5 (Rabu – Pagi)**<br>**30 November 2022** | **Sesi 6 (Khamis - Pagi)**<br>**1 Disember 2022** |
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (R-T) SPS<br>Master Kejuruteraan Komunikasi<br>Master Pentadbiran Perniagaan<br>Master Sastera<br>Master Kimia Analisis<br>Master Keusahawanan<br>Master Keselamatan dan Pemastian Kualiti Makanan<br>Master Pengurusan Perladangan<br>Master Penderiaan Jauh Dan Sistem Maklumat Geografi<br>Master Sains Matematik<br>Master Perubatan (Perubatan Dalaman)<br>Master Kejuruteraan Elektrik Kuasa<br>Master Sains (FS, FPV, IPSAS, IBS)<br>Bacelor Sains Statistik dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Statistik dengan Pendidikan (Kepujian)<br>Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Inggeris<br>Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris)<br>Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris) PJJ<br>Bacelor Pertanian (Akuakultur)<br>Bacelor Pertanian (Sains Ternakan)<br>Bacelor Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan Kepujian<br>Bacelor Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian<br>Bacelor Kejuruteraan Perisian<br>Bacelor Senibina Landskap/Bacelor Seni Bina Landskap<br>Bacelor Perakaunan UPESPE<br>Bacelor Sains Mikrobiologi dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Perhutanan | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (U-Z) SPS<br>Master Linguistik Terapan<br>Master Keselamatan Proses dan Pencegahan Kehilangan<br>Master Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua<br>Master Alam Sekitar<br>Master Kejuruteraan Struktur dan Pembinaan<br>Master Perubatan (Radiologi)<br>Master Kesihatan Awam<br>Master Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan<br>Master Patologi<br>Master Senibina<br>Master Sains (FK, FHAS, FBMK)<br>Master Komunikasi Korporat PJJ<br>Master Pendidikan Pentadbiran Pendidikan PJJ<br>Bacelor Sains Pengurusan Perladangan<br>Bacelor Sains Pertanian PJJ<br>Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)/Bacelor Sains Pembangunan Sumber Manusia<br>Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia) PJJ<br>Bacelor Kejuruteraan Aeroangkasa dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Fizik dengan Kepujian<br>Bacelor Sains dalam Sains Bahan dengan Kepujian<br>Bacelor Kejururawatan<br>Bacelor Sains (Dietetik)/Bacelor Sains Dietetik dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Pembangunan Manusia<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia) PJJ<br>Bacelor Muzik (Persembahan Muzik)/Bacelor Muzik<br>Bacelor Sains Komputer (Multimedia)<br>Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu<br>Bacelor Sastera (Bahasa Dan Linguistik Melayu) PJJ<br>Bacelor Sastera (Kesusasteraan Inggeris)/Bacelor Sastera Kesusasteraan Inggeris<br>Bacelor Pengurusan Alam Sekitar |

| Sesi 7 (Jumaat – Pagi)<br>2 Disember 2022 | |
|---|---|
| **Nama Program** | |
| Doktor Falsafah | PBS |
| Master Sains | PBS |
| Master Pendidikan | |
| Master Surgeri (Ortopedik) | |
| Master Kesusasteraan Dunia | |
| Master Keselamatan Maklumat | |
| Master Reka Bentuk Bandar Tropika | |
| Master Fizik Bahan | |
| Master Sains (FP, IPPH, ION2) | |
| Master Pembangunan Sumber Manusia | PJJ |
| Master Bahasa Melayu | PJJ |
| Master Pendidikan Bahasa Melayu | PJJ |
| Bacelor Ekonomi | |
| Bacelor Ekonomi | UPESPE |
| Bacelor Pentadbiran Perniagaan | UPESPE |
| Bacelor Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem dengan Kepujian | |
| Bacelor Kejuruteraan Awam dengan Kepujian | |
| Bacelor Sains Biologi dengan Kepujian | |
| Bacelor Sains Matematik dengan Kepujian | |
| Bacelor Reka Bentuk (Reka Bentuk Perindustrian) | |
| Bacelor Sastera Kesusasteraan Melayu | |
| Bacelor Komunikasi | UPEFBMK |
| Bacelor Komunikasi | PJJ |
| Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar | |
| Bacelor Pengajian Pengguna | |
| Diploma Sains Komputer (Kolej Teknologi Timur) | IPTS |

**Singkatan:**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **SPS** | : | Sekolah Pengajian Siswazah | **PBS** | : | Putra Business School |
| **SPE** | : | Sekolah Perniagaan Ekonomi | **FBSB** | : | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| **FS** | : | Fakulti Sains | **UPESPE** | : | Unit Program Eksekutif, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| **SPSP** | : | Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan | **UPEFBMK** | : | Unit Program Eksekutif,<br>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| **PJJ** | : | Pengajian Jarak Jauh | **FKPS** | : | Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains (UPMKB) |
| **UPMKB** | : | UPM Kampus Bintulu | **FSPP** | : | Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan (UPMKB) |

**LAMPIRAN 2**

## CONTOH SURAT WAKIL/KEBENARAN

Ketua
Bahagian Urus Tadbir Akademik
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang

Tarikh :

Tuan,

**SURAT KEBENARAN WAKIL UNTUK MENGAMBIL PAKAIAN JUBAH AKADEMIK**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Saya .......................................... bernombor kad pengenalan ............................ merupakan graduan Universiti Putra Malaysia program ................................bernombor matrik ........................ dengan ini mewakilkan saudara/i .................................................. untuk membantu saya mengambil pakaian jubah akademik bagi pihak saya.

Bersama ini disertakan salinan borang tempahan **borang pakaian akademik**, **Borang Kajian Pengesanan Graduan KPT 2022** dan **salinan MyKad** wakil saya.

Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya atas kerosakan/kehilangan pakaian jubah akademik ini. Kerjasama pihak tuan dalam membantu memudahkan urusan saya amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.............................
No. HP:

**LAMPIRAN 3**




---

Graduan perlu menonton video tatacara pemakaian jubah akademik di **bit.ly/HowToWearUPMAcademicGown** dan ikuti langkah pemakaian yang betul seperti didalam video.

Pastikan **warna HOOD** (bagi program Bacelor sahaja) yang diterima adalah mengikut warna yang ditetapkan fakulti dan letakkan **tali tesel disebelah kanan** (bahu kanan)

**CONTOH ETIKA PAKAIAN MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN**
**(SEBELUM MEMAKAI JUBAH AKADEMIK)**












## LAMPIRAN 5



PETA LALUAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE 46
KUARTERS
KOMPLEKS PERUMAHAN
P6
P7
P8
P9
SERI SERDANG
LALUAN 3
TOL
KOLEJ 10
KOLEJ 10
P12
LALUAN 2
SERI SERDANG
FPP
FK
MINES / BALAKONG
ITMA
PERPUSTAKAAN
PARKIR PERPUSTAKAAN
DEWAN BESAR
PARKIR VIP
PARKIR PUSAT
KOMPLEKS AKADEMIK PUSAT
P11
BANGUNAN PENTADBIRAN
FSKTM
P1
KOMPLEKS MAHASISWA
P5
P4
P3
P2
P15
P17
FBMK
P14
LALUAN 1
TOL
PARKIR PADANG KAWAD
One Putra
PALAPES
KOLEJ CANSELOR
KOSASS
KOSASS
KTDI
Lebuhraya KL - Seremban
GSO
RUMAH PENGETUA
KTDI
TNC JINM
KPZ
KOLEJ 13
KOLEJ SERUMPUN
PUSAT KESIHATAN
BANQUET HALL
KPZ
MTDC
TNCPI
BUKIT EKSPO
MARDI
STADIUM UPM
P13
KELAB GOLF
HPUPM
PUSAT EQUIN
FPV
FPSK
HOSPITAL SERDANG
LALUAN 4
P21
PUTRA INFOPORT
KAJANG
Lebuhraya Kajang-Puchong
PUCHONG / PUTRAJAYA
BANGI
PETUNJUK
LALUAN MASUK
LALUAN KELUAR
F
FAKULTI
K
KOLEJ
P
MEDAN KENDERAAN IBUBAPA / GRADUAN
LANDASAN ERL
POS KESELAMATAN
P
PINTU

# TEMPAT GRADUAN BERKUMPUL



**LAMPIRAN 7**

| **TARIKH-TARIKH PENTING PELAKSANAAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-46 (SIDANG 2)** | | |
|---|---|---|
| **PERKARA** | **TARIKH** | **CATATAN** |
| **KAJIAN PENGESANAN GRADUAN KPT 2022** | **11 November hingga 1 Disember 2022** (Jumaat – Sabtu) | Layari ***https://graduan.mohe.gov.my/SKPG*** untuk melengkapkan kajian |
| **PENGAMBILAN JUBAH AKADEMIK** | **12 dan 13 November 2022** (Sabtu dan Ahad) | Kompleks Akademik Pusat (KAP), **UPM Serdang** (9.00 pagi - 5.00 petang) **termasuk waktu rehat* |
| | **20 hingga 23 November 2022 (Sabtu hingga Rabu)** | |
| **PERMOHONAN BANTUAN KEPERLUAN KHAS/OKU** | **Sebelum 18 November 2022** | Lengkapkan google form bit.ly/UPMKonvo-SurveiBerkeperluanKhas |
| **MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-46 (SIDANG 2) DAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM-IPTS KE-24** | **26 November hingga 2 Disember 2022 (Sabtu - Jumaat)** | **Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (8.00 pagi – 12.00 tengahari )**<br><br>****Graduan perlu hadir dan mula berkumpul jam 7:30 pagi*** |
| **TARIKH PEMULANGAN JUBAH AKADEMIK**<br><br>***Kompleks Akademik Pusat (KAP), UPM Serdang*** | **26 November 2022 (Sabtu)** | 12:30tgh – 4:30 petang |
| | **27 November- 1 Disember 2022 (Ahad – Khamis)** | 9.00 pagi – 4:30 petang (rehat 1:00 - 2:00 ptg) |
| | **2 Disember 2022 (Jumaat)** | 9.00 pagi -4.30 petang (rehat 12:15 tgh -2.45 ptg) |
| | **3 hingga 8 Disember 2022 (Sabtu-Khamis)** | 9.00 pagi – 4:30 petang (rehat 1:00 - 2:00 ptg) |
| | **9-12 Disember 2022 (Jumaat - Isnin)** | **Kaunter Tutup** |
| **DENDA LEWAT PEMULANGAN JUBAH** | **Mulai 13 Disember 2022** | Bayaran perlu dibuat di :<br><br>Kaunter Bursar 3, Tingkat Bawah, Bangunan Canselori Putra (8:30 pagi – 12:30 tghari dan 2:00 – 3:45 petang)<br><br>Bawa resit dan buat pemulangan di Bahagian Urus Tadbir Akademik |

**LAMPIRAN 8**

## SENARAI SEMAK GRADUAN
## MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-46, SIDANG 2

| | | |
|---|---|---|
| **SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN** | | |
| 1. | ( )<br>( ) | (i) Terima,baca dan memahami **Notis Majlis Konvokesyen Ke-46 (Sidang 2);**<br>(ii) Sertai **Telegram Rasmi** Majlis Konvokesyen ke-46 (Sidang 2) di https://bit.ly/Konvo46Sidang2UPM |
| 2. | ( ) | **Yuran/Denda Tertunggak**<br>Selesaikan yuran/denda tertunggak selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum melengkapkan **e-SMP** bagi tujuan mengambil jubah akademik |
| 3. | ( ) | **Yuran Graduasi**<br>Bayar yuran graduasi (RM200.00) mengikut cara bayaran yang diterangkan sebelum mengambil jubah akademik – ikuti langkah 4.2 |
| 4. | ( ) | **Pakaian Jubah Akademik**<br>• Buat tempahan melalui e-SMP (Menu MyKonvokesyen)<br>• Cetak Borang Pinjaman Jubah Akademik dan bawa borang tersebut bersama Slip Pengesahan Kajian Keberkesanan Graduan KPT 2022 secara *walk-in* dalam tempoh yang ditetapkan |
| 5. | ( ) | **Keperluan Khas/OKU**<br>Tempah keperluan khas/OKU melalui google form di link (jika perlu) **sebelum 18 November 2022**<br>/bit.ly/UPMKonvo- SurveiBerkeperluanKhas |
| 6. | ( ) | **Tatacara Menghadiri Majlis Konvokesyen UPM**<br>Tonton video **Tatacara Menghadiri Majlis Konvokesyen UPM** dan **Tatacara Pemakaian Jubah Akademik** yang dimuatnaik di telegram rasmi bagi memahami tatacara penuh |
| **SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN** | | |
| 7. | ( ) | Tiba awal **(selewat-lewatnya jam 7.30 pagi)** di tempat berkumpul bersebelahan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan memakai set lengkap pakaian akademik:<br>- Jubah Akademik berserta hood dan mortar/bonnet;<br>- Pelitup Muka UPM (graduan)<br>- Kad Sebutan Nama/Calling Card |
| **SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN** | | |
| 8. | ( ) | **Pemulangan Jubah akademik**<br>Pemulangan jubah akademik hendaklah dibuat seberapa segera bagi mengelakkan denda. Denda lewat pemulangan jubah akademik akan dikenakan mulai **12 Disember 2022** mengikut kadar yang ditetapkan.<br><br>Di kaunter Pemulangan:<br>• Pulangkan Pakaian Akademik dan dapatkan Slip Pengesahan<br>Di kaunter Sijil:<br>• Lengkapkan borang maklum balas Majlis Konvokesyen Ke-46 Sidang 2<br>• Berikan Slip Pengesahan bagi membolehkan Sijil dan Transkrip diambil |